Uwais telah pergi bersama rombongan penduduk Kufah untuk bertemu Amir al-mukminin Umar al-Khatib r.a. Umar bertanya kepadanya : “Adakah kamu Uwais bin Amir”. Ia menjawab : “Ya, wahai Amir al-Mukminin”. Umar berkata : “Kamu dari keturunan Murad dan Qarni”. Ia menjawab : “Ya”. Umar bertanya lagi : “Kamu ditimpa penyakit sopak, kemudian kamu sembuh kecuali satu bahagian sebesar satu dirham”. Ia menjawab : “Ya”. Umar bertanya : “Kamu ada ibu?”. Ia menjawab : “Ya”. Umar berkata : “Aku mendengar Rasulullah s.a.w berkata : Akan datang kepada kamu Uwais bin Amir bersama rombongan penduduk kufah. Ia ditimpa penyakit sopak kemudian ia sembuh kecuali sekadar satu dirham. Ia mempunyai ibu dan berbakti padanya. Sekiranya aku bersumpah dengan Allah nescaya diperkenangkan. Sekiranya kamu dapat supaya ia memohon ampun untukmu maka lakukanlah”. Umar berkata : “Mohon ampun untukku wahai Uwais”. Ia berkata lagi : “Mohon ampun untukku wahai Uwais”. Uwais berkata : “Aku mohon ampun untuknya (Umar)”. Umar bertanya padanya : “Kamu hendak ke mana (selepas ini)?”. Ia menjawab : “Ke Kufah”. Umar berkata : “Bolehkah aku tulis sesuatu kepada gebenor Kufah (tentang kamu)?”. Uwais berkata : “Aku berada di kalangan manusia biasa adalah lebih baik untukku”.

Kefakiran Uwais dan kesabarannya terhadap layanan buruk masyarakat

Abu Nasrah meriwayatkan daripada Ibnu Jabir, katanya : “Kami duduk mengelilingi lelaki yang bercakap di Kufah memberi nasihat kepada manusia, mengajar dan menerangkan kepada mereka. Apabila orang itu bercakap dan orang ramai bersurai. Hanya tinggal sekumpulan kecil sahaja di antara mereka ada seorang lelaki yang aku tidak kenali. Tetapi ia bercakap dengan bahasa yang belum pernah didengar oleh seorang pun yang menyamainya. Ini menakjubkan dan menyukakan aku. Aku tidak menemuinya beberapa hari, lalu aku bertanya sahabatku : “Adakah kamu kenal lelaki yang duduk bersama kita sifatnya sekian-sekian?”. Seorang lelaki di antara mereka berkata : “Aku mengenalinya, ia adalah Uwais bin Amir al-qurani”. Aku bertanya : “Adakah kamu kenal rumahnya?”. Ia menjawab : “Ya”. Maka aku pergi bersamanya sehingga sampai ke pintunya. Maka ia keluar ke arah aku, lalu aku bertanya : “Kenapa kamu tidak bersama kami?”. Ia berkata : “Apa yang kamu lihat (ia tidak berpakaian kecuali sekadar menutup aurat). Kawan-kawanku menghina dan menyakitiku”. Aku berkata padanya : “Ambillah kain ini dan pakailah”. Ia berkata : “Tidak payah, mereka akan menyakitiku”. Aku terus memujuknya sehinggalah ia memakainya. Kemudian ia keluar bertemu orang ramai. Lalu mereka berkata : “Lihatlah siapa yang menipu di sebalik pakaian ini”. Uwais pulang lalu menanggalkannya dan berkata : “Lihatlah?”. Maka aku pergi ke tempat itu, lalu aku berkata : “Apa yang kamu mahu dari lelaki ini?”. Kamu telah menyakitinya, ia tidak berpakaian satu ketika dan memakai pakaian ketika yang lain. Aku menghalang mereka dengan kata-kataku.

أويس مستجاب الدعوة :

ولقد وفد أويس فيمن من الناس إلى أمير المؤمنين عمر بن الخطاب رضي الله عنه ، فقال له عمر : أنت أويس بن عامر ؟ قال : نعم يا أمير المؤمنين . قال : أولك والدة ؟ قال : نعم . قال عمر : سمعتُ رسولَ الله - ﷺ - يقول : [يأتي عليكم أويس بن عامر مع أمداد أهل اليمن ، وكان به برص فبرأ منه إلا موضع درهم ، له والدة هو بها بر ، لو أقسم على الله لأبره ، فإن استطعت أن يستغفر لك فافعل] فاستغفر لي ، فاستغفر له . فقال له عمر رضي الله عنه : أين تريد ؟ قال : الكوفة . قال : ألا أكتب إلى عاملها ؟ قال أويس : أكون في غرباء الناس خير لي .

فقره وصبره على الناس :

وروى أبو نصره عن ابن جابر قال : كنا نجلس إلى حلقة رجل محدث بالكوفة ، يعظ الناس ويرشدهم ويبين لهم ، وكان إذا فرغ ذلك المحدث من حديثه ، تفرق القوم ، ويبقى رهط منهم ، فيهم رجل لا أعرفه ، ولكنه كان يتكلم بكلام ما سمعت أحدا يتكلم بمثله قط ، فأعجبني وأحبيته ، ففقدته أياما ، فقلت لأصحابي : أتعرفون رجلا كان يجالسنا ، من صفته كذا وكذا ؟ فقال رجل من القوم : أنا أعرفه ، ذاك أويس بن عامر القرني قلت : أو تعرف داره ؟ قال : نعم : فانطلقت معه حتى جئت حجرته ، فخرج إليّ فقلت : يا أخي ما حبسك عنا ؟ قال : ما ترى ! (وكان عاريا إلا مما يستر عورته) قال : وكان أصحابي يسخرون منه ويؤذونه ، قال : فقلت له : خذ هذا البرد فالبسه . قال : لا تفعل : إنهم يؤذونني ! قال : فلم أزل به حتى لبسه ، ثم خرج عليهم فقالوا : ترى من خدع عن برده هذا ؟ فجاء أويس فوضعه وقال : قد رأيت ؟ قال : فأتيت المجلس فقلت : ما تريدون من هذا الرجل ؟ قد آذيتموه الرجل يعرى مرة ويكسى مرة ، وأخذتهم بلساني .

Permohonan Maaf Daripada Orang Yang Suka Menyakiti Beliau

Kemudian telah pergi rombongan penduduk Kufah pada suatu hari menemui Amir al-Mukminin Umar al-Khatab. Di antara mereka ada lelaki yang suka menyakiti Uwais dan mempersenda-sendakannya. Umar berkata : “Adakah di sana lelaki dari Qarni”. Maka datang lelaki itu. Umar bertanya tentang Uwais. Kemudian Umar berkata kepada lelaki itu : “Aku mendengar Rasulullah berkata : “Sesungguhnya akan datang seorang lelaki kepada kamu dari Yaman dikenali sebagai Uwais. Ia tidak tinggal di Yaman kecuali dengan ibunya. Ia sangat baik padanya. Ia ada penyakit sopak dan berdoa pada Allah, maka hilang penyakit itu daripadanya kecuali sekadar satu dinar atau dirham. Barang siapa bertemu dengannya maka suruhlah dia supaya ia memohon ampun untuk kamu”.

Maka lelaki itu pulang ke Kufah dan pergi ke rumah Uwais. Ia masuk menemuinya dengan memberi salam dan memujinya sebelum masuk ke rumahnya. Maka Uwais berkata : “Ini bukan kebiasaan kamu”. Ia menjawab : “Aku telah mendengar Umar telah berkata sekian-sekian, maka pohon ampunlah utukku”. Uwais berkata : “Aku tidak akan tunaikannya sehingga kamu berjanji padaku kamu tidak akan menghina dan menyakitiku lagi dan tidak menceritakan kata-kata Umar pada seseorang pun”. Lalu ia jadikannya satu janji, kemudian ia mohon ampun untuknya.

Kebiasaan Umar apabila datang rombongan dari Yaman, ia bertanya dari mereka : “Adakah di antara kamu Uwais bin Amir”. Apabila ia melihatnya, ia mengulangi kepadanya hadis Rasulullah s.a.w kemudian memintanya supaya memohon ampun untuknya.

Pengajaran daripada kisah ini :

Seterusnya, agak mudah bagi setiap muslim dan mukmin untuk menjadi seperti Uwais, diperkenangkan doa dan diterima syafaatnya. Jika ia bersumpah dengan Allah nescaya diperkenangkan. Cara ke arah itu adalah beramal soleh, patuh pada suruhan agama dan larangannya tanpa memandang remeh atau menyeleweng. Maka sesiapa yang beramal seperti amalan Uwais nescaya ia akan menjadi seperti ini dan barang siapa yang beramal lebih tentulah ia lebih baik daripadanya.

اعتذار من كان يؤذيه :

ثم كان أن وفد أهل الكوفة يوماً إلى أمير المؤمنين عمر بن الخطاب رضي الله عنه ، وفيهم رجل ممن كان يؤذى أويسا ويسخر منه . قال عمر : أهنا رجل من القرنيين ، فجاء ذلك الرجل ، فسأله عمر عن أويس ، ثم قال للرجل : سمعت رسول الله - ﷺ - يقول : إن رجلاً يأتيكم من اليمن ، يقال له أويس ، لا يدع باليمن غير أم هو بها بر ، وكان به برص فدعا الله فأذهب عنه ، إلا مثل الدينار أو الدرهم ، فمن لقيه منكم فمروه فليستغفرلكم .

وعاد الرجل فأقبل حتى أتى أويسا ، ودخل عليه مسلماً ومحياً قبل أن يدخل على أهله فقال أويس : ما هذه بعادتك ، قال : سمعت عمر يقول كذا وكذا ، فاستغفر لي . قال : لا أفعل حتى تجعل لي عليك ألا تسخر مني ولا تؤذيني ، ولا تذكر قول عمر لأحد ، فجعله هذا العهد ، فاستغفر له .

وكان عمر إذا أتى أمداد اليمن سأهم : أفيكم أويس ابن عامر ، فإذا رآه أعاد عليه حديث رسول الله - ﷺ - ثم يطلب إليه ان يستغفر له .

دروس مستفادة :

أما بعد : فإن من الميسور على كل مسلم مؤمن ، أن يكون مثل أويس ، مستجاب الدعاء مقبول الشفاعة ، لو أقسم على الله لأبره ، ووسيلة ذلك العمل الصالح ، والوقوف عند أوامر الدين ونواهيه ، من غير تمأون أو انحراف فمن يعمل عمله يكن مثله ، ومن يزد يكن خيراً منه .

Kaedah tatabahasa:

Perkataan (قَطُّ) adalah Zorf (kata nama yang menunjukkan kala lampau yang merangkumi semua keadaan), dan ia berasal dari (قَطَّ) iaitu memotong, kerana bermaksud ayat (ما فعلته قط): saya tidak pernah melakukan: perkara tersebut sepanjang hidupku. perkataan (قَطُّ) digunakan dalam ayat nafi atau ayat Tanya

Antara kesilapan penggunaan perkataan (قَطُّ) : (لا أفعله قط) kerana kata kerja dalam ayat ini menunjukkan kala kini, sedangkan perkataan (قَطُّ) menunjukkan kala lampau

Ayat yang betul : (لم تستسلم مصر لمعتد قط، ولم تتوقف عن الذود عن حقها قط)
Mesir tidak pernah menyerah kalah kepada musuh, dan tidak pernah berhenti mempertahankan haknya.

قاعدة نحوية :

قَطُّ : ظرف للماضي على سبيل الاستغراق، يستغرق جميع الزمن الماضي، وهو مشتق من قط أي قطع، إذ معني: ما فعلته قط: ما فعلته فيما انقطع من عمري. ويؤتي به بعد التفي أو الاستفهام لفي جميع أجزاء الماضي أو الاستفهام عنها.
ومن الخطأ أن يقال: لا أفعله قط، لأن الفعل حال على المستقبل، وقط ظرف للماضي نقول: لم تستسلم مصر لمعتد قط، ولم تتوقف عن الذود عن حقها قط.

معاني المفردات :

الرقم	الكلمة	معانيها
١	أخلاق الناس	مفرده خلط، وهو الشيء يؤلف مع أشياء أخرى والمراد: عامة الناس
٢	المغمور	غير المشهور
٣	يؤبه	لا يحتفل به، ولا يلتفت إليه
٤	إزراء	تھاونا وتقصيرا
٥	رثاثة	قباحة وهوان
٦	طمرين	مثنى الطمر وهو: الثوب الخلق البالي، والجمع: أطهار
٧	يقتات	يأكل، والقت: جنس نباتات عشبية
٨	النوى	عجم التمر والزبيب ونحوهما أو بذره

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukur kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan). (14)

Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah engkau taat kepada mereka; dan bergaulah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu (dengan tauhid dan amal-amal yang soleh). Kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan. (15)

- Firman Allah swt: (Surah an Nisa' : 36)

﴿وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا﴾

Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri;

- Firman Allah swt: (Surah al Ankabut : 8)

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حُسْنًا وَإِنْ جَاهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ﴾

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekutukan Daku (dalam ibadatmu) dengan sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.

Bacaan Tambahan :

Ayat-ayat al Quran tentang galakan berbuat baik kepada kedua ibubapa:

- Firman Allah swt: (Surah al Isra' : 23 -25)

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۗ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (٢٣) وَأَخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ أَرْحَمُهُمَا كَمَا رَبَّبَانِي صَغِيرًا (٢٤) رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَا فِي نُفُوسِكُمْ ۗ إِنْ تَكُونُوا صَالِحِينَ فَإِنَّهُ كَانَ لِلأَوَّابِينَ غَفُورًا (٢٥)﴾

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). (23)

Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiknya semasa kecil." (24)

Tuhan kamu lebih mengetahui akan apa yang ada pada hati kamu; kalaulah kamu orang-orang yang bertujuan baik mematuhi perintahNya, maka sesungguhnya dia adalah Maha Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat. (25)

- Firman Allah swt: (Surah Lukman : 14 - 15)

﴿وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفَضَّلَهُ فِي عَامَيْنِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ ۗ إِلَىٰ الْمَصِيرِ (١٤) وَإِنْ جَاهَدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۗ وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ ۗ إِلَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ مَرْجِعِكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (١٥)﴾

Hadis-hadis Nabi saw tentang galakan berbuat baik kepada kedua ibubapa:

عن عبد الله بن عمرو رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَقُولُ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَسْتَأْذِنُهُ فِي الْجِهَادِ فَقَالَ: أَحْيِ وَالِدَاكَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: ففِيهِمَا فَجَاهِدْ

Dari Abdullah bin Amru ra berkata: "Telah datang seorang lelaki kepada Nabi saw untuk meminta izin berjihad, maka Nabi bertanya padanya: "Adakah orang tuamu masih hidup?" ia menjawab: "Ya" lalu Nabi saw berkata: "Maka berjihadlah pada keduanya."

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: جِئْتُ أَبَايُكَ عَلَى الْهِجْرَةِ، وَتَرَكْتُ
أَبَوَيَّ يَتِيمَيْنِ، فَقَالَ: [اِرْجِعْ إِلَيْهِمَا؛ فَأَضْحِكُهُمَا كَمَا أَبْكَيْتَهُمَا]

"Seseorang datang kepada Rasulullah saw dan berkata, "Aku akan berbai'at kepadamu untuk berhijrah, dan aku tinggalkan kedua orang tuaku dalam keadaan menangis." Rasulullah Shalallaahu 'alaihi wa sallam bersabda, "Kembalilah kepada kedua orang tuamu dan **buatlah keduanya tertawa** sebagaimana engkau telah membuat keduanya menangis." (Abu Dawud dan an Nasai)

عن أنس بن مالك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ ، قَالَ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، يَقُولُ : مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي
رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ رَحْمَتَهُ. أخرجه البخاري.

daripada Anas bin Malik, bahawa Nabi SAW bersabda: "Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturrahim." [Riwayat Bukhari]

- Firman Allah swt: (Surah as Saaffat : 102)

﴿فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبُنَىٰ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَا بَتِ
أَفْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّادِقِينَ﴾

102. Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".

- Firman Allah swt: (Surah Nuh : 28)

﴿رَبِّ اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِمَنْ دَخَلَ بَيْتِيَ مُؤْمِنًا وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَلَا تَزِدِ الظَّالِمِينَ
إِلَّا تَبَارًا﴾

"Wahai Tuhanku! Ampunkanlah bagiku, dan bagi kedua ibu bapakku, serta bagi sesiapa yang masuk ke rumahku dengan keadaan beriman; dan (ampunkanlah) bagi sekalian orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan (dalam segala zaman); dan janganlah Engkau tambah orang-orang yang zalim melainkan kebinasaan!"

١. ضع عنوانا للفقرة الأولى. ثم ضع من عندك عنوانا آخر للموضوع.
٢. (كان يمشي ضاربا بذقته إلى صدره) كناية عن
٣. حث الإسلام على برالوالدين. هات ما تحفظ من الكتاب والسنة ما يؤكد ذلك.
٤. كيف تكشف في المعجم عن الكلمات الآتية: (يقاتل - رثاءة - يعظ)؟
٥. اجث عن معاني الكلمات الآتية: (غبراء - يتمرغ - برأ).
٦. (فمن لقيه منكم فمروه ليستغفر لكم) حذف همزة الفعل أمر في الأمر (مُر)؟
٧. (لا أسمع أحدا يتكلم بمنته قط): بين وجه الخطأ في العبارة السابقة، وما ينبغي أن تكون عليه، مع التعليل
٨. (كان أويس من أخلاط الناس المغمورين الذين لا يؤبه هم إذا غابوا ... وكثيرا ما يقتات هو وأمه مما يلتقط من النوى).
- أ- ما المراد ب (أخلاط الناس) ؟ وما مفرد أخلاط؟ وما معنى يؤبه؟
- ب - أدخل اللام على اسم الموصول الموجود بالعبارة السابقة، موضحا ما حذف منه، ومبين السبب.
٩. [كان أويس يدعو ال له فيستجاب له] - [كان أويس يدعو ال له فيستجيب له].
- أي العبارتين السابقتين أفضل؟ ولماذا؟
١٠. كيف تكون مستجاب الدعوة؟

PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Pengenalan

Sesungguhnya Allah swt mencipta alam ini dengan begitu teliti dan sistem yang begitu baik. Allah swt menganugerahkan kepada manusia alam semulajadi yang begitu indah, penuh dengan tanda-tanda keagungan Allah swt dan segala kebajikanNya, supaya manusia dapat menikmati segala apa yang diberikan oleh Allah swt daripada sumber alam ini. Namun tangan (manusia itu melakukan) pencemaran untuk memusnahkan keindahan alam semulajadi ini. Adakah masih ada cara untuk memelihara alam sekitar ini?

Perbahasan Tajuk

(1) Definisi alam sekitar

Alam sekitar ialah Himpunan unsur/bahan semulajadi dan bahan buatan yang berada diperekitaran manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Ianya memberi kesan kepada kehidupan yang bernyawa dan terkesan dengannya. Udara yang dihirup oleh manusia, air yang diminumnya, bumi yang didiaminya dan bercucuk tanam di atasnya serta segala apa yang da disekeliling manusia daripada benda-benda hidup dan bukan hidup – semua ini adalah unsur-unsur alam sekitar yang mana manusia hidup di dalamnya. Sebarang perubahan yang berlaku unsur-unsur ini akan menyebabkan kemudharatan pada kesihatan manusia dan juga kepada semua hidupan. Ini dianggap sebagai pencemaran alam sekitar.

(2) Komponen utama bagi kitaran kehidupan

Kitaran hidup terdiri dari 4 komponen utama iaitu:

1. Cahaya matahari:

Cahaya matahari menghasilkan air dan oksigen, keduanya karbon dioksida serta sebahagian sebatian makanan yang diperlukan oleh tumbuh-tumbuhan untuk hidup.

(١٤) التلوث

مقدمة

لقد خلق الله الكون في أدق وأحسن نظام، ومنَّ على الإنسان بطبيعة ساحرة حافلة بآلائه وخيراته؛ لينعم فيها الإنسان بما أفاء الله عليه منها، ولكن امتدت يد التلوث؛ لتدمر جمال الطبيعة، فهل من سبيل للحفاظ على البيئة؟

عرض الموضوع

(١) مفهوم البيئة:

البيئة: « هي مجموع العناصر الطبيعية والاصطناعية التي تحيط بالإنسان والحيوان والنبات » ، والتي تؤثر في الكائن الحي ويتأثر بها؛ فالهواء الذي يتنفسه الإنسان، والماء الذي يشربه، والأرض التي يسكنها ويزرعها، وكل ما يحيط بالإنسان من كائنات حية وجمادات - تلك هي عناصر البيئة التي يعيش فيها الإنسان، وأي تغير يطرأ على عناصر البيئة يسبب ضرراً للصحة الإنسانية وللكائنات الحية ويعد تلوثاً للبيئة.

(٢) العناصر الأساسية لدورة الحياة

وتتكون دورة الحياة من أربعة عناصر أساسية هي:

١ - ضوء الشمس - ومنه يتولد الماء و«الأكسجين»، وثاني «أكسيد الكربون»، وبعض المركبات الغذائية التي يحتاجها النبات للنمو.

2. **Tumbuh-tumbuhan darat dan air** yang bertindak daripada proses fotosentesis juga karbon dioksida dan air seterusnya bertukar menjadi karbohidrat. Tumbuh-tumbuh dan sebahagian kehidupan bernyawa memerlukan karbohidrat, kerana itulah tumbuh-tumbuhan ini dianggap sebagai benda hidup/unsur yang menghasilkan bahan.
3. **Hidupan (binatang)** yang bergantung kepada benda yang menghasikan bahan (**tumbuhan**). Maksudnya Binatang yang memakan rumput-rumput seperti lembu dan kambing. Ia adalah pengguna pertama bagi tumbuh-tumbuhan ini. Begitu juga binatang yang memakan daging. Ia adalah pengguna kedua kerana ia memakan binatang yang memakan rumput-rumput.
4. **Bahan penguraian** iaitu benda hidup (organisma) seperti baktiria, kulat dan serangga. Ianya menguraikan benda-benda yang mati menjadi unsur-unsur kimia dan kembali kepada kitaran kehidupan (ekosistem) untuk digunakan kali kedua.

Punca pencemaran alam sekitar

Seperti yang diketahui, kehidupan di bandar adalah halangan bagi kitaran hidup yang dinyatakan sebelum ini, kerana manusia menghasilkan bahan-bahan beracun yang menyebabkan pencemaran alam sekitar dan kesan buruknya akan kembali kepada manusia.

Punca utama pencemaran alam sekitar ini tertumpu pada perkara berikut:

- Kepadatan penduduk di bandar-bandar besar dan tidak mampu untuk memenuhi keperluan penduduk yang begitu ramai.
- Penyalahgunaan sumber alam.
- Peningkatan penggunaan teknologi yang menghasilkan pencemaran yang besar.

- ٢- النباتات البرية أو المائية والتي تحول عن طريق عملية التمثيل الضوئي ثاني أكسيد الكربون»، والماء إلى «كربوهيدرات»، تحتاجها النباتات وبعض الكائنات الحية في النظام البيئي ولذلك تعد النباتات من الكائنات المنتجة.
- ٣- المستهلك الذي يعتمد على المنتج^٤ ونعني به الحيوانات آكلة الأعشاب، مثل: البقر، والماعز، وهي مستهلك أولى لهذه النبات؛ لأنها تتغذى عليه بصفة رئيسة، وكذلك الحيوانات آكلة اللحوم وهي مستهلك ثانوي؛ لأنها تأكل الحيوانات آكلة الأعشاب.
- ٤- المحلل: وهي كائنات حية، مثل: البكتريا، والفطريات، والحشرات؛ وهي تحلل المنتجات الميتة إلى عناصرها الكيميائية، وتعيدها للنظام البيئي؛ ليتم إعادة استخدامها مرة ثانية.

أسباب التلوث

ومن الجدير بالذكر أن الحياة المدينة أصبحت عائقا لدورة الحياة آنفة الذكر؛ بما يقوم به الإنسان من صناعة للمواد السامة التي تتسبب في تلوث البيئة، ويرتد أثرها الضار على الإنسانية، وتنحصر الأسباب الأساسية للتلوث في الأمور التالية:

- تكثف السكان في المدن الكبرى وعدم القدرة على تلبية احتياجات هذا التضخم الهائل من السكان.
- سوء استخدام الموارد.
- الزيادة في استخدام التقنية التي تولد تلوثا كبيرا.

^٤ المنهج: النبات

Jenis-jenis pencemaran

Pencemaran alam sekitar itu banyak jenis, dinyatakan di sini sebahagiannya:

- **Pencemaran udara:**

Pencemaran jenis ini adalah paling banyak terjadi. Pencemaran ini terhasil disebabkan oleh asap kenderaan, habuk, debunga, debu kapas, habuk simen, racun serangga. Begitu juga radiasi atom yang dihasilkan daripada sumber galian, ditambah pula pencemaran bahan elektronik yang terhasil dari penggunaan peralatan elektrik. Bermula dengan loceng elektrik, radio, televisyen dan kemuncaknya satelit, ia adalah antara perkara yang boleh menjejaskan sel otak manusia dan menyebabkan keadaan ketidakseimbangan, sakit kepala yang berpanjangan dan kesan-kesan yang lain

- **Pencemaran air:**

Pencemaran jenis ini boleh dianggap amat bahaya terhadap kehidupan, kerana air terdapat di sebahagian besar lapisan udara (atmosfera), kerana kawasan permukaan yang dipenuhi air mencapai 70.8% dari keluasan permukaan bumi.

- **Pencemaran tanah:**

Antara punca utama berlakunya pencemaran ini:

- o Penggunaan air yang tidak dirawat dan penggunaan racun kimia.
- o Penggunaan baja bukan organik yang dihasilkan oleh manusia dari bahan-bahan kimia dengan tujuan menambahkan hasil pengeluaran.

أنواع التلوث

وللتلوث أنواع عديدة نذكر منها:

- **تلوث الهواء:**

ويعد هذا النوع الأكثر انتشارا، وينتج هذا النوع بسبب عوادم السيارات، والأتراب، وحبوب اللقاح، وغبار القطن، وأترابة الأسمنت، والمبيدات الحشرية، وكذلك الإشعاعات الذرية الطبيعية الصناعية، بالإضافة إلى التلوث الإلكتروني الناتج من استخدام الأجهزة الكهربائية، ابتداء من الجرس الكهربائي، والمذياع، والتلفاز، وانتهاء بالأقمار الصناعية؛ مما يؤثر على الخلايا العصبية للمخ البشري، وتسبب في حالات عدم الاتزان، والصداع المزمن، وغيرها من الأعراض .

- **تلوث الماء:**

ويعد هذا النوع من التلوث هو الأشد خطرا على الحياة؛ لأن الماء يشغل أكبر حيز في الغلاف الجوي؛ إذا تبلغ مساحة المسطح المائي (٧٠,٨ %) من مساحة الكرة الأرضية.

- **تلوث التربة:**

ومن الأسباب الرئيسة لهذا النوع من التلوث:

- o استخدام المياه غير الصالحة، واستخدام المبيدات الكيميائية.
- o استخدام الأسمدة غير العضوية التي يصنعها الإنسان من مركبات كيميائية؛ بغرض زيادة الإنتاج.

(3) Usaha Membanteras Pencemaran

Sejak mutakhir ini, dunia telah mula mengambil perhatian serius terhadap masalah ini. Banyak negara telah mula mewujudkan undang-undang yang dapat membantu memulihkan alam sekitar, membuat banyak langkah bagi mengurangkan indeks pencemaran. Antaranya menghadkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian dan menggalakkan penggunaan kenderaan awam. Beberapa buah negara melarang penggunaan racun serangga yang amat berbahaya dan menghasilkan bahan lain yang kurang berbahaya untuk menggantikan racun perosak itu. Juga tindakan mengenakan denda kepada syarikat-syarikat yang menyebabkan pencemaran. Banyak bahan-bahan siaran berkaitan kempen ini telah diterbitkan. Banyak buku yang memfokuskan kepada tanggungjawab industri dalam pemuliharaan alam sekitar.

(4) Penyelesaian yang terbaik di peringkat tempatan

Kita sangat memerlukan kepada bandar yang sihat dan bersih, di samping kesedaran penjagaan alam sekitar meluas di kalangan masyarakat dan rakyat. Perlu digubal undang-undang yang memerangi pencemaran dalam semua bentuk sama ada di rumah, jalan raya, sungai (Sungai Nil), laut dan udara.

Kita perlu menghadapi masalah ini dengan mengemukakan pandangan dan perancangan baru serta berusaha dalam dua peringkat: tempatan dan antarabangsa, kerana kita tidak mampu mengekang masalah ini sekiranya tidak jalinan kerjasama seluruh dunia demi memerangi ancaman yang berterusan ini.

(٣) جهود مكافحة التلوث

ولقد انتبه العالم في الفطرة الأخيرة إلى هذه المشكلة، فقامت العديد من الدول بسن القوانين التي تساعد على نقاء البيئة، ووضع الخطط؛ بغية الحد من التلوث؛ فعملت على الحد من استخدام المركبات الخاصة، وشجعت على استخدام وسائل النقل الجماعي، كما قامت بعض الدول بحظر استخدام المبيدات الحشرية شديدة الخطر، وأوجدت بدائل أقل خطراً لتحل محلها، كما فرضت الغرامات على الشركات المسببة للتلوث، وقد أصدرت الكثير من النشرات؛ وألقت العديد من المؤلفات التي تلقي التبعة على الصناعة.

(٤) الحل الأمثل على المستوى المحلي

إننا في حاجة ملحة إلى أن المدن على نحو صحي نظيف، مع إشاعة الوعي البيئي لدى أبنائنا ومواطنينا؛ وسن القوانين التي تقاوم التلوث بكل أشكاله في البيت، والشارع، والنيل، والبحر، والجو.

وينبغي علينا مواجهة هذه المشكلة بما هو جديد من الفكر والتخطيط والعمل على المستويين: المحلي والعالمي، فلن نستطيع الحد من هذه المشكلة إن لم تتضافر جهود العالم أجمع من محاربة هذا الخطر الدائم.

الإجابة:

١. ما اسم العملية التي يقوم بها النبات الأخضر لتكوين المواد النشوية والسكرية؟ وما الذي يجب توافره لحدوث هذه العملية؟.
 ٢. لِمَ تعد الحيوانات آكله العشب مستهلكا أوليا للنباتات؟.
 ٣. ما مصادر تلوث البيئة؟ وما أنواع التلوث؟.
 ٤. لِمَ يعد تلوث الماء أشد خطرا من أنواع التلوث الأخرى؟.
 ٥. اذكر الجهود العالمية لمقاومة التلوث البيئي؟.
 ٦. ما دورك في مكافحة التلوث؟.
 ٧. ماذا يحدث لو أهمل العالم مشكلة التلوث ولم يقيم بمقاومتها؟.
 ٨. اختر الإجابة الصحيحة مما بين القوسين فيما يأتي:
- (أ) يعد هذا الموضوع من قبيل الموضوعات : (الأدبية - الاجتماعية - العلمية)
- (ب) يعتمد هذا الموضوع على : (الخيال - الآراء - الحقائق)
- (ج) تعد النباتات البرية أو المائية من الكائنات : (المستهلكة - المنتجة)
- (هـ) الحيوانات آكله اللحوم مستهلك : (ثانوي - أولي)
- (و) نوع الصورة في قولنا: "امتدت يد التلوث لتدمر هذا السحر" :
(تشبيهية - استعارة مكنية - استعارة تصريحية)
- (ز) نوع الاستفهام في قوله: "فهل من سبيل للحفاظ على البيئة" :
(حقيقي - مجازي).

الإجابة:

هات مرادف الكلمات التي تحتها خط فيما يأتي:

١. الهواء الذي يتنفسه الإنسان أصبح ملوثا.
٢. أصبحت الحياة المدينة عائقا يعيق دورة الحياة.
٣. إنُ الدول المتحضرة شعوبها تسن القوانين لمكافحة التلوث.

اذكر ضد الكلمات التي تحتها خط في العبارات الآتية:

- (أ) تنحصر الأسباب الأساسية للتلوث في أمور عديدة.
- (ب) وضعت الخطط بغية القضاء على التلوث.
- (ج) أعاقت الحياة المدينة دورة الحياة إعاقة بالغة.

ضع علامة الصوب (✓) قرين كل عبارة تؤدي إلى الحفاظ على نقاء البيئة فيما يأتي:

١. استخدام الغاز الطبيعي في المصانع والمنازل . []
٢. استخدام السولار بديلا عن البنزين للمركبات المختلفة. []
٣. إطفاء أنوار المنزل والأجهزة الكهربائية. []
٤. استخدام الأسمدة العضوية وعدم استخدام الأسمدة غير العضوية. []
٥. استخدام مياه الصرف الصحي في زراعة الأشجار. []
٦. حمل الخضراوات في الحقائب بديلا عن الأكياس البلاستيكية. []

(15) NASIHAT

Pendahuluan

Antara hak Seorang Muslim terhadap saudaranya seagama ialah memberi nasihat kepadanya Nasihat itu adalah salah satu asas-asas Islam.

Allah swt berfirman : Demi Masa! (1) Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian (2) Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar. (3)

(1) Nasihat itu adalah keseluruhan agama Islam

Sekiranya manusia mengetahui kebaikan dan kebahagiaan yang terdapat dalam agama Islam atau memerhati petunjuk dan hikmah yang terkandung pada ajarannya atau menjadikan keikhlasan terhadap diri mereka mengatasi sikap fanatik mereka terhadap pandangan dan warisan mereka, nescaya manusia semua akan berpusu-pusu berpegang dengan dasar-dasarnya atau bersatu dibawah benderanya , segera berlindung di kubunya yang kebal serta berpegang dengan talinya yang kukuh.

Imam Muslim mengeluarkan sebuah hadis dari kitab sahihnya daripada Tamim al-Dari r.a bahawa nabi s.a.w bersabda : “Agama itu adalah nasihat. Kami (para sahabat) bertanya : Untuk siapa ?. Baginda menjawab : (Nasihat itu) untuk Allah, kitabnya, rasulnya dan pemimpin Islam serta masyarakat Islam”.

Dasar nasihat menasihati ini yang dilaung-laungkan oleh tokoh penasihat yang besar iaitu nabi s.a.w dan menganggapnya sebagai keseluruhan agama. Sekiranya manusia mengwar-warkan di kalangan mereka , mengikut petunjuknya dalam segala urusan mereka, nescaya bahagianlah keadaan manusia, hidup aman dan tenang atau dapat menghindarkan banyak masalah dan kejahatan yang kebanyakannya tidak lain kecuali kerana meninggalkan konsep nasihat menasihati, tersebaranya buruk sangka dan berkembangnya sikap hilang kepercayaan di kalangan individu dan kumpulan masyarakat.

(١٥) النصيحة

مقدمة

من حق المسلم على أخيه المسلم أن ينصحه؛ فالنصيحة دعامة من دعائم الإسلام قال تعالى: ﴿وَالْعَصْرَ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَّصَوْا بِالصَّبْرِ﴾

(١) النصيحة كل الدين:

لو فطن الناس إلى ما في الدين الإسلامي من خير وسعادة ، وتنبهوا إلى ما تشتمل عليه تعاليمه من رشاد وحكمة ، وآثروا إخلاصهم لأنفسهم على تعصبهم لآرائهم وموروثاتهم، وأنصفوا هذا الدين حق انصافه – لبادروا جميعا إلى اعتناق مبادئه ، والانضواء تحت لوائه، والإعتصام بحصنه الحصين ، للاستظلال برأيه ، والإستمساك بحبله المتين .

وقد أخرج مسلم في صحيحه : عن تميم الدارى رضى الله عنه أن النبي – صلى الله عليه وسلم – قال : [الدين النصيحة قلنا : لمن ؟ قال : لله ، ولكتابه، ولرسوله ، ولأئمة المسلمين وعامتهم]

فهذا مبدأ التناصح الذى ينادى به الناصح الأعظم – ﷺ – ويعتبره كل الدين ، فلو أن الناس عمموا فيما بينهم ، واتبعوا هديه فى كل أمورهم ، لسعد حال الإنسانية وعاشت آمنة مطمئنة ، ولتجنب كثيرا من المشاكل والشور التى هى فى الغالب ليست إلا نتيجة لتترك التناصح ، ولشروع سوء الظن ، وانتشار فقدان الثقة بين الأفراد والجماعات .

(2) Pengertian Nasihat

Nasihat adalah nyata perbuatan atau kata-kata yang memberi kebaikan kepada tuannya (orang yang dinasihati). Perkataan nasihat dalam bahasa arab diambil dari ungkapan : “Lelaki menjahit pakaiannya”. Mereka memperumpamakan perbuatan orang yang memberi nasihat dalam menyatakan perkara yang mendatangkan kebaikan kepada orang yang dinasihati disamakan dengan jahitan yang menutupi bahagian carik di pakaian. Perkataan nasihat juga diambil daripada ungkapan : “Kamu mengasingkan madu daripada lilinnya”. Mereka menyamakan menyucikan kata (nasihat) daripada tipu daya dengan membersihkan madu daripada bercampur dengan benda lain.

Setelah kita memahami nasihat nabi saw ini penuh dengan ajaran Islam dan ia mempunyai dasar-dasar yang menjadi petunjuk kepada manusia.

(3) Untuk siapakah nasihat ini ?

Setelah penjelasan yang berbentuk kemasyarakatan yang mulia ini, Hadis ini beralih pula kepada huraian orang yang wajib dinasihati.

Pertama : Nasihat itu wajib untuk Allah Taala. Ertinya : “Ikhlas kepadanya dalam semua perkara”. Perkara tersebut dapat dibuktikan/digambarkan dengan keimanan padanya, menafikan kesyirikan terhadapnya, meninggalkan kekufuran pada pada sifat-sifatnya, menyifatkannya dengan sifat-sifat yang sempurna dan mulia, menyucikannya daripada semua jenis kekurangan, melakukan ketaatan padanya, meninggalkan ma’siat terhadapnya, cinta padanya, marah kerananya, mengakui nikmat yang diberikannya, bersyukur terhadap nikmat tersebut,

Kedua : Nasihat itu wajib untuk kitabnya s.w.t. Ertinya : “Beriman bahawa kitab itu adalah kalam Allah dan wahyunya, tidak menyerupai apa-apa pun daripada ucapan makhluk, tidak mampu untuk mendatangkan seumpamanya seorangpun di kalangan makhluk ini, membenarkannya, membacanya, menyatakan huruf-hurufnya dengan sempurna ketika membacanya, memelihara daripada ta’wil orang yang menyeleweng dan terdedah kepada orang yang mencelanya, patuh pada hukumnya, memahami ilmu dan perumpamaannya, mengambil pengajaran dengan nasihatnya, berfikir tentang keajaibannya,

(٢) تعريف النصيحة

النصيحة هي : تحرى فعل أو قول فيه صلاح صاحبه ، وهي في كلام العرب مأخوذة من قولهم : نصح الرجل ثوبه ، إذا خاطه فشبها فعل الناصح فيما يتجره من صلاح المنصوح له بما يسده من خلل الثوب، أو مأخوذة من قولهم : نصحت العسل : إذا صفيته من الشمع ، فشبها تخليص القول من الغش بتخليص العسل من الخلط .

وإذا عرفنا ذلك أدركنا مقدار ما تنطوى عليه هذه الوصية النبوية الكريمة من شمول لتعاليم الإسلام ، وتناول لمبادئه الرشيدة .

(٣) لمن تجب النصيحة ؟

ينتقل بنا الحديث الشريف بعد تقرير هذه المحكمة الاجتماعية السامية إلى بيان من تجب لهم النصيحة .

فيذكر أولاً: أنها واجبة لله تعالى ، ومعناها : الإخلاص لله – سبحانه وتعالى – في جميع الأمور ؛ وذلك مصروف إلى الإيمان به ، ونفى الشريك عنه ، وترك الإلحاد في صفاته، ووصفه بصفات الكمال والجلال ، وتنزيهه عن جميع النقائص ، والقيام بطاعته ، واجتناب معصيته ، والحب فيه ، والبغض فيه ، والإعتراف بنعمته وشكره عليها

ويذكر ثانياً : أنها واجبة لكتابه – سبحانه وتعالى – ومعناها : الإيمان بأنه كلام الله تعالى ، لا يشبهه شيء من كلام الخلق ، ولا يقدر على مثله أحد منهم ، ثم تعظيمه ، وتلاوته ، وإقامة حروفه في التلاوة ؛ والذب عنه لتأويل المخرفين وتعرض الطاعنين ، والوقوف مع أحكامه ، وتفهم علومه وأمثاله ، والإعتبار بمواعظه ، والتفكير في عجائبه

Ketiga : Nasihat wajib untuk Rasul. Ertinya : “Membenarkannya sebagai rasul, beriman dengan semua yang dibawanya, taat pada suruhan dan larangannya, menolongnya ketika baginda hidup atau setelah wafat, mengembangkan syariatnya, berakhlak dengan akhlak baginda, beradab dengan adabnya, mengasihi ahli keluarganya, sahabatnya, menjauhi orang yang mereka-reka pada sunahnya

Keempat : Nasihat wajib untuk pemimpin Islam. Apabila mereka dimaksudkan sebagai pemimpin iaitu orang yang menguruskan urusan orang Islam . Erti nasihat untuk golongan ini dalam perkara ini: “Membantu mereka di atas kebenaran, mentaati mereka pada perkara kebenaran dan menyuruh mereka dengan kebenaran, memberitahu mereka perkara yang mereka lupa, jangan melebihi-lebihkan mereka daripada hak orang islam, tidak keluar dari kepimpinan mereka, memujuk hati-hati manusia supaya mentaati mereka, sembahyang di belakang mereka, tidak memperdayakan mereka dengan pujian yang dusta pada mereka, berdoa untuk mereka semoga diberi taufik dan kebahagiaan”.

Kelima : Nasihat wajib untuk orang Islam . Ertinya : “Memberi bimbingan kepada mereka untuk kebaikan mereka di dunia dan akhirat, menolak keburukan daripada mereka, mengajar mereka apa yang mereka jahil tentang agama dan membantu mereka bagi tujuan itu dengan perkataan dan perbuatan, menutup kecacatan/kelemahan mereka, menghindarkan kemudaratan daripada mereka dan mendatangkan kebaikan untuk mereka, menasihati mereka dengan nasihat yang baik, meninggal tipu daya dan berhasad dengki pada mereka, menyukai kebaikan untuk mereka sebagaimana ia menyukai kebaikan itu untuk dirinya sendiri,

“Bagaimanakah keadaan manusia sekiranya mereka mengambil dasar (nasihat menasihati) ini, berjalan di atasnya dan mengukir jalannya ?”.

ويذكر ثالثا: أنها واجبة للرسول - ﷺ - ومعناها : تصديقه على الرسالة ، والإيمان بجميع ما جاء به ، وطاعته في أمره ونهيهِ ، ونصرته حيا وميتا ، ونشر شريعته والتخلق بأخلاقه ، والتأدب بآدابه ، ومحبة أهل بيته وأصحابه ، ومجانبة من ابتداع في سنته

.....

ويذكر رابعا : أنها واجبة لأئمة المسلمين ، والمراد بهم ولادة الأمر، ممن يقومون بأمر المسلمين ، ومعنى النصيحة لهم: معاونتهم على الحق ، وطاعتهم فيه، وأمرهم به ، وإعلامهم بما غفلوا عنه ، ولم يبلغهم من حقوق رعيتهم ، وترك الخروج عليهم ، وتألف قلوب الناس لطاعتهم ، والصلاة خلفهم ، وعدم تغييرهم الكاذب عليهم ، والدعاء لهم بالتوفيق والصلاح .

ويذكر خامسا : أنها واجبة لعامة المسلمين ؛ ومعناها : إرشادهم لمصالحهم في دنياهم وآخرتهم وكف الأذى عنهم ، وتعليمهم ما يجهلون من أمور دينهم وإعانتهم عليه بالقول والفعل ، وستر عوراتهم ، وسد خلاتهم ، ودفع المضار عنهم ، وجلب المنافع لهم ، وتخويلهم بالموعظة الحسنة ، وترك غشهم وحسدهم ، وحب الخير لهم كما يحبه لنفسه .

فياليت شعري ، كيف يكون حال الإنسانية لو إنها أخذت بهذا المبدأ ، وتعاونت

عليه ، واتبعت طرقه !؟

(4) Adab memberi nasihat:

Nasihat mempunyai adab tertentu, kami ringkaskan seperti berikut:

1. Nasihat itu hendaklah ikhlas kerana Allah swt tanpa rasa riak, menunjuk-nunjuk, atau mencari habuan duniawi.
2. Tidak memberi nasihat berdasarkan kesamaran atau syak wasangka, kerana seorang Muslim itu baik sangka kepada saudara seagamanya, dan tidak berpegang dengan perkara yang kesamaran.
3. Elakkan daripada mencederakan, menyakitkan perasaan dan tidak memfitnah, dan lebih suka untuk menutupi keaibannya. Imam Al-Shafi'i berkata: Sesiapa yang memberi nasihat kepada saudaranya secara diam-diam, maka dia telah menasihatnya dan membetulkannya, dan sesiapa yang memberi nasihat kepada saudaranya secara terbuka, maka dia telah mendedahkan keaibannya dan mengkhianatnya.
4. Tidak sombong dalam menerima nasihat, Ada yang mengatakan: Terimalah nasihat dengan cara apa pun, dan laksanakan dengan cara yang terbaik.

(٤) آداب النصيحة:

وللنصيحة آداب نوجزها فيما يأتي:

١. أن تكون خالصة لوجه الله - تعالى -، دون رياء، أو سمعة، أو تحقيق غرض دنيوي.
٢. عدم النصح بناء على شبهة أو ظن، فالمسلم يحسن الظن بإخوانه، ولا يأخذهم بالشبهة.
٣. البعد عن التجريح والتأنيب، وإيذاء المشاعر وعدم التشهير، والحرص على الستر. قال الإمام الشافعي: من وعظ أخاه سرا فقد نصحه وزانه، ومن وعظ أخاه علانية فقد فضحه وخانه^٥
٤. عدم التكبر في قبول النصيحة، فقد قيل: تقبل النصيحة بأي وجه، وأدها على أحسن وجه.

^٥ رواه أبو نعيم في الحلية (١٤٠/٩)

معاني المفردات

الإجابة :

الرقم	الكلمة	معناها
١	دعامة	سند وركيزة ، والجمع دعائم ودعامات
٢	فطن	علم وتبين
٣	تحرى	تقصى
٤	الإلحاد	العدول عن الحق
٥	الذب عنه	الدفاع عنه
٦	المحرفون	المزورون الصارفون للكلام عن مواضعه
٧	الطاعنون	المعترضون الذامون
٨	خلائهم	خصالهم السيئة
٩	تحولهم	تعهدهم والاعتناء بهم
١٠	الرياء	التظاهر بخلاف ما في الباطن
١١	يا ليت شعري	ليتني أعلم

التدريبات

أجب عما يأتي :

١. اقترح عنواناً آخر لهذا الموضوع
٢. اذكر تعريف النصيحة.
٣. للنصيحة آداب، اذكرها إجمالاً.
٤. اذكر معني كل ما يأتي :

النصيحة لله تعالى / لكتاب الله / لرسول الله / للأئمة المسلمين وعامتهم